

Kaum Ibu Rembau tidak gentar

BH - 12/5/2007

Rombongan rai kemerdekaan tetap ke KL walaupun dihalang British



50 Tahun Mengisi Kemerdekaan

Oleh Azrul Affandi Sobry

EMPAT buah bas membawa rombongan Umno dari Rembau bagi menyaksikan pengisytiharan kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 hampir dibatalkan gara-gara ugutan seorang pegawai polis British ketika rombongan itu hendak bertolak pada petang 30 Ogos.

Rombongan diketuai Ketua Kaum Ibu ketika itu, Datuk Siti Rahmah Kassim disogok dengan dakwaan perhimpunan pengisytiharan kemerdekaan bakal dihujani dengan bom yang menjadikan seluruh Stadium Merdeka sebagai kubur pejuang kemerdekaan.

Menurut polis terbabit, selepas bom diturunkan dan semua yang hadir mati, satu jentera besar dibawa masuk untuk menanam semua mayat sebagai balasan kerana cubaan menghalau orang Inggeris dari Tanah Melayu.

Berikutan itu, golongan lelaki yang hadir mula berasa gusar dan serba salah, sama ada untuk meneruskan hajat yang membara sebelum itu atau melupakan saja.

Namun, Siti Rahmah yang cukup terkenal dengan kelantangannya menentang penjajah dan memperjuangkan kemerdekaan berdiri di depan pejabat Umno Rembau dan melaungkan kemarahannya berhubung kejadian itu.

Dengan tegas beliau berkata, bahawa tiada guna mereka menyediakan bas dan tidak hadir menyaksikan pengisytiharan kemerdekaan sedangkan segala pahit getir perjuangan menuntut kemerdekaan sudah bersama-sama mereka rasai sebelum itu.

Malah, seorang daripada wakil Kaum Ibu yang hadir, Tiamah Datuk Gempa Zakaria menjerit dengan penuh bersemangat - "Walaupun mati pun kita mesti pergi".

Keadaan itu membuatkan golongan lelaki berubah fikiran dan mula bersemangat kembali untuk menyertai rombongan berkenaan.

Demikian antara permulaan cerita mengenai pengalaman yang dilalui Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) Bahagian Negeri Sembilan itu ketika menguruskan rombongan seramai 150 orang untuk bersama-sama merasai semangat kemerdekaan yang bakal dilautkan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj di Stadium Merdeka pada keesokan harinya.

Siti Rahmah tidak boleh melepaskan peluang keemasan melihat dengan mata sendiri kemerdekaan dituntut sekian lama un-

tuk berjaya dicapai tanpa menumpahkan darah. Hati mana tidak meronta-ronta untuk melihat bendera Persekutuan dikibarkan kerana segala pengorbanan sudah diberikan demi melihat bendera 'Union Jack' diturunkan.

Malah, Siti Rahmah berhak berasakan kenikmatan itu kerana ketika Tunku hendak ke London bagi membincangkan tuntutan kemerdekaan, beliau antara yang pantas menghulurkan sumbangan termasuk memberikan gelang kesayangannya untuk menampung perbelanjaan Tunku ke sana.

"Kami tiba di Kuala Lumpur petang itu dan bas yang kami naiki diletak di Kampung Baru. Semua yang menyertai rombongan itu dibenarkan beredar ke rumah keluarga masing-masing kerana kami tidak menyediakan penginapan kepada mereka. Saya menumpang di rumah Halimatun Abdul Majid, seorang sahabat yang sangat rapat dengan saya.

"Malam itu, kami semua perlu berada di Padang Kelab Selangor (kini Dataran Merdeka) bagi menyaksikan bendera Persekutuan dinaikkan. Pada ketika itu, kami sudah dimaklumkan bahawa tepat jam 12.01 pagi bendera 'Union Jack' akan diturunkan.

"Namun, kerana desakan naluri dan semangat membara, kami semua tiba di situ seawal jam 8 malam, sejeurus selepas menunaikan solat Maghrib," katanya.

Siti Rahmah berkata, sukar dibayangkan bagaimana Padang Kelab Selangor bagai dipenuhi dengan lautan manusia yang datang daripada seluruh pelusuk negara tidak mengira bangsa sama ada Melayu, Cina atau India.

Masing-masing dengan sabar dan penuh ketenangan menunggu detik 12.01 pagi dan keadaan pada ketika itu amat terkawal. Tidak ada kekecohan, walaupun beribu-ribu manusia berhimpit-himpit menunggu detik bersejarah itu.

"Sampai detik dinantikan, ribuan manusia menitikkan air mata dan tidak kurang juga bersujud kesyukuran kerana bendera Persekutuan akhirnya megah berkibar di situ. Saya sendiri tidak melepaskan peluang berdiri di sisi tiang bendera untuk merasai kebanggaan itu dengan lebih dekat.

"Malam itu saya tidak dapat tidur dan tidak henti-henti berbual dengan Halimatun mengenai apa yang bakal kami lalui keesokan paginya. Hati ini berkobar-kobar dan mata sukar dilelapkan. Tidak dapat saya gambarkan bagaimana berkobarnya perasaan ketika itu," katanya sambil seekali mengesat air mata yang bergenang di kelopak matanya.

Tanggal 31 Ogos 1957, rombongan Siti Rahmah tiba di Stadium Merdeka seawal jam 9 pagi. Kaum ibu sepakat memakai baju putih dan dipadankan dengan kain batik berwarna merah. Mereka memilih tempat di barisan kedua stadium dan setiap ketua kumpulan menjaga 10 peserta rombongan perlu memastikan ahli kumpulannya cukup pada setiap masa. Begitu teliti dan

beretika sistem digunakan beliau ketika itu.

"Menariknya, semua hadirin di stadium ketika itu begitu berdisiplin dan mendengar arahan pengawal stadium. Disuruh diam, mereka diam. Disuruh duduk, mereka duduk. Mungkin kerana menghormati permintaan Tunku supaya tidak berlaku kekecohan pada hari itu. Tambahan pula, hanya mereka yang dibenarkan saja boleh memasuki stadium.

"Detik yang amat bernilai dalam hidup saya akhirnya tiba dan ketika Tunku melaungkan kemerdekaan, air mata tidak dapat dibendung lagi dan saya yakin, lebih separuh yang hadir juga turut menangis. Malah, ada yang bersalaman dan berpelukan sesama mereka menandakan bahawan detik itu amat bermakna dan pasti akan menjadi lipatan sejarah dalam diri masing-masing.

"Keluar dari stadium, keadaan masih terkawal dan jelas arahan diberikan Tunku dipatuhi semua. Tidak ada pekikan melampau, malah boleh dikatakan kebanyakannya masih sebak dengan tangisan kegembiraan. Semua yang hadir diberi makanan ringan, tetapi pada ketika itu, perut langsung tidak terasa lapar," katanya.

Bekas Ahli Dewan Undangan Negeri Terentang (kini Chembong) selama dua penggal bermula 1959 itu berkata, mereka hanya makan apabila singgah di sebuah restoran di sekitar bandar Kajang sebelum meneruskan perjalanan pulang ke Rembau. Dalam bas, sekali lagi Tiamah menjerit - "Tengok, tak ada yang mati pun. Mana ada bom."

Setibanya mereka di Rembau, masing-masing pulang ke rumah kerana keletihan, tetapi apa yang pasti, kenangan 31 Ogos tetap kekal dalam ingatan dan sekadar sujud kesyukuran dapat dilakukan sebagai tanda kemerdekaan yang mereka kecapi adalah nikmat yang amat besar dan berharga kurniaan Tuhan yang Maha Esa.

PROFIL

Datuk Siti Rahmah Kassim



Tarikh Lahir: 30 November 1926

Umur: 81 tahun

Suami: Allahyarham Mohd Mayzub Mohd Yunus

Anak: Lima orang

Kelulusan: Empat Thanawi

Jawatan dulu:

- Wakil Rakyat Dewan Undangan Negeri Terentang (kini Rembau), wakil rakyat wanita pertama di Negeri Sembilan, 1959-1969

- Pengerusi kaum ibu Umno, 1943

Jawatan kini:

- Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) Bahagian Negeri Sembilan.

- Naib Ketua Pengerusi Perkim Kebangsaan.

- Pengerusi Perkumpulan Islam Daerah Rembau.

- Pengerusi Taman Seri Puteri Rembau.



KEBEBASAN DIKECAPI: Siti Rahmah (duduk tengah) bersama ahli jawatankuasa Kaum Ibu Rembau yang turut serta dalam rombongan ke Stadium Merdeka.